

KEBITARAAN PELANCONGAN DI TELOK MELANO: KHAZANAH, POTENSI DAN CABARAN

Dilah Tuah
Universiti Malaysia Sarawak
tdilah@unimas.my

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan di Kampung Telok Melano, Lundu (Sarawak, Malaysia) yang menjadi destinasi pelancongan baharu di Bahagian Kuching. Dalam tempoh 52 tahun (1963-2015) selepas pembentukan Malaysia, kawasan ini masih ketinggalan dan mundur kerana kedudukannya yang dipisahkan oleh lautan dan hutan tebal. Kebitaraan pelancongan di kawasan ini sememangnya telah dikesan awal, namun ketiadaan akses jalan raya yang baik serta kemudahan asas yang sempurna, menyebabkan Kampung Telok Melano kurang dikunjungi oleh pelancong dari dalam dan luar negara. Perkampungan ini hanya dikenali selepas pembukaan jajaran Sematan-Telok Melano, Lebuh Raya Pan Borneo pada 26 Januari 2020. Justeru, kajian ini akan membincangkan kebitaraan pelancongan yang terdapat di Kampung Telok Melano dengan mengaplikasikan kerangka *niche tourism* yang diperkenalkan oleh Novelli (2005). Data kajian diperoleh menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui rakaman temu bual, wawancara dan pemerhatian ikut serta. Dapatan kajian menunjukkan Kampung Telok Melano sememangnya memiliki kebitaraan pelancongan yang selari dengan tiga *niche tourism* Novelli (2005) iaitu kebudayaan, alam sekitar dan luar bandar. Selain itu, dapatan kajian menunjukkan kebitaraan pelancongan yang terdapat di Kampung Telok Melano turut memberi impak positif kepada sumber pendapatan penduduk kampung. Dari sudut cabaran, kajian mendapati pandemik Covid-19 yang bermula pada penghujung tahun 2019 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 telah menjaskan kedatangan pelancong dan pendapatan penduduk khususnya pengusaha *homestay*. Dalam konteks kosa ilmu, kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan terkini bagi melihat impak positif pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo kepada sektor pelancongan di Kampung Telok Melano serta destinasi pelancongan lain di Sarawak.

Kata kunci: kebitaraan; Telok Melano; pelancongan; khazanah; Sarawak

PENGENALAN

Kampung Telok Melano merupakan sebuah perkampungan nelayan paling hujung di barat daya negeri Sarawak. Peta 1 menunjukkan lokasi Kampung Telok Melano yang berjiran dengan Desa Temajuk, Indonesia. Sebelum pembukaan jajaran Sematan-Telok Melano, Lebuh Raya Pan Borneo pada 26 Januari 2019, perkampungan ini hanya dapat dihubungi menggunakan bot dari jeti Sematan. Pada musim tengkujuh (iaitu Oktober hingga Februari), kawasan ini akan terputus hubungan dengan dunia luar disebabkan arus laut yang deras serta ombak tinggi yang membahayakan bot-bot kecil. Sekiranya terdapat keperluan untuk ke Sematan, penduduk Kampung Telok Melano perlu berjalan kaki dengan menyusuri pantai dan meredah beberapa batang anak sungai. Perjalanan ini kebiasaannya mengambil masa selama tujuh hingga lapan jam. Kesukaran ini menyebabkan ramai penduduk Kampung Telok Melano menyimpan bekalan makanan sebelum tibanya musim tengkujuh. Selain itu, penduduk Kampung Telok Melano turut mendapatkan keperluan harian di Desa Temajuk, Kalimantan Barat, yang terletak